

05 AUG 2003

MAHATHIR-RUSIA/I

M'SIA MINAT JADI PINTU MASUK BAGI BARANGAN RUSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia amat berminat untuk menjadi pintu masuk bagi barangan Rusia ke rantau ini.

"Kami amat berminat untuk bertindak sebagai pintu masuk bagi produk Rusia ke rantau ini," kata beliau semasa sesi soal jawab pada Forum Perniagaan Malaysia-Rusia di sini hari ini.

Turut hadir ialah Presiden Rusia Vladimir Putin, yang berada di sini untuk lawatan rasmi selama dua hari.

Dr Mahathir berkata perdagangan antara Malaysia dan Rusia kini terhad di mana Malaysia membeli keluli, pesawat dan produk lain yang berkaitan dari Rusia.

Sebaliknya, hanya beberapa produk Malaysia sahaja yang memasuki Rusia, meskipun negara mempunyai pelbagai jenis produk eksport.

Beliau berkata perdagangan dua hala sepatutnya adil sebanyak mungkin dan pada masa yang sama perlu ada keseimbangan.

Dengan demikian, adalah penting bagi kedua-dua negara tahu apa yang setiap negara tawarkan, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata maklumat sedemikian penting pada masa ini terutama setelah banyak produk Malaysia sampai ke Rusia melalui pihak ketiga.

Satu cara bagi menanganinya ialah dengan mengadakan lebih banyak lawatan dan hubungan oleh ahli perniagaan kedua-dua negara, kata beliau.

Lawatan berkenaan akan membolehkan pemahaman yang lebih baik dan membantu mengukuhkan hubungan, dengan itu akan meningkatkan perniagaan antara Malaysia dan Rusia, kata beliau.

Dr Mahathir juga memberitahu forum berkenaan bahawa pada satu peringkat, Malaysia telah mengeksport kereta ke Rusia tetapi disebabkan oleh beberapa masalah, niaga janji berkenaan dibatalkan.

Secara berseloroh, Perdana Menteri berkata: "Kami rasa orang Rusia tidak menggunakan banyak kereta sebagaimana sepatutnya."

Dengan menjangkakan potensi yang tinggi dalam jualan kenderaan di Rusia, Dr Mahathir mencadangkan agar didirikan sebuah tempat pemasangan usaha sama kenderaan di negara berkenaan.

Beliau berkata perdagangan dua hala tidak hanya melibatkan belian dan jualan tetapi juga pemindahan teknologi.

"Apabila kita mempunyai lebih banyak perdagangan adalah tidak dapat dielakkan pertukaran pengetahuan akan ditingkatkan.

"Kami percaya Rusia mempunyai kepakaran saintifik dan teknologi yang mencukupi yang Malaysia ingin miliki," kata beliau. -- BERNAMA

MAD TJK FR NHD